



LAPORAN LIPUTAN MEDIA SELASA / 30 JANUARI 2018

- 1. KAJI SEMULA MASALAH, PUNCA PADI ANGIN**
 - **SINAR HARIAN**

- 2. MASALAH SALIRAN SUDAH SELESAI**
 - **SINAR HARIAN**

- 3. PERUNTUKAN KHAS LEBIH RM500,000**
 - **SINAR HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 30 JANUARI 2018 (SELASA)
PERKARA : PERTANIAN

Kaji semula masalah, punca padi angin

GEORGETOWN - Kerajaan pusat digesa mengkaji masalah dan punca berlakunya ancaman padi angin di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada).

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), SM Mohamed Idris berkata, masalah ini serius kerana melibatkan 15,000 hektar sawah di Perlis dan 100,685 hektar di Kedah yang kesemuanya berada dalam kawasan tanah Mada.

"Amat menghairankan masalah padi angin ini belum diselesaikan walaupun petani menghadapinya sejak 10 tahun lalu.

"Kenapa kajian terperinci dengan saranan penyelesaian tidak diambil lebih awal untuk membendung masalah ini menjadi lebih serius dan membebankan kehidupan petani di sini," katanya menerusi kenyataan medianya semalam.

Mohamed berkata, pihaknya bimbang sekiranya petani turut menghadapi ancaman rumput sambau.

"Ancaman padi angin boleh menjejaskan hasil padi antara 60 hingga 90 peratus manakala ancaman rumput sambau pula mampu mengurangkan hasil petani antara

10 hingga 80 peratus.

"Tinjauan CAP mendapati, kedua-dua masalah utama yang dihadapi 63,000 petani di sini merangkumi serangan makhluk perosak dan penyakit padi menyebabkan mereka mengalami kemerosotan hasil pendapatan melebihi 50 peratus pada musim menuai.

"Dianggarkan, sejak masalah ini berlaku secara keseluruhan, petani Mada mengalami kerugian mencecah berpuluh juta ringgit. Oleh itu, kerajaan pusat perlu laksanakan kajian terhadap kesan pelaksanaan yang diamalkan petani," katanya.



Ancaman padi angin dan rumput sambau akan menjejaskan pendapatan petani.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 30 JANUARI 2018 (SELASA)
PERKARA : ADUAN

Masalah saluran sungai selesai

ALORSETAR - Keluhan petani dari Kampung Berala, Mukim Tobiar sejak 10 tahun lalu berhubung saluran di Sungai Pendang yang tidak dibersihkan mendapat perhatian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), baru-baru ini.

Zainab Abdullah, 47, berkata, petani berterima kasih kepada Mada kerana membersihkan sungai yang dipenuhi rumput sehingga saluran air dari sawah ke sungai utama terganggu.

Menurutnya, selepas Mada membersihkan sungai itu air

dari sawah mula mengalir keluar dengan sempurna dan tidak mengambil masa lama sehingga berminggu-minggu.

"Alhamdulillah, baru-baru ini pun bila hujan lebat, air dari sawah dapat mengalir ke luar ke sungai utama dengan baik.

"Petani berharap sawah tidak lagi tenggelam seperti musim lalu gara-gara saluran utama yang dipenuhi dengan kangkung," katanya.

Jamaludin Mahmud, 61, pula berkata, tindakan Mada membersihkan Sungai Pendang itu bukan sahaja

memberi rahmat kepada pesawah, tetapi juga kepada pemancing.

Katanya, semenjak sungai itu dibersihkan ramai pemancing mula datang ke situ yang dikatakan menjadi lubuk kepada beberapa jenis ikan air tawar.

"Petani di sini berharap Mada akan sentiasa memantau sungai ini setiap tahun.

"Ini bagi mengelakkan sungai itu tidak lagi dipenuhi rumput air hingga memberi masalah kepada lebih 100 petani di sini," katanya.



Petani di Kampung Berala Mukim Tobiar berterima kasih kepada Mada selepas membersihkan Sungai Pendang yang selama ini dipenuhi dengan kangkung.

Peruntukan khas lebih RM500,000

Pengumuman kementerian untuk nelayan, pengusaha ikan Pulau Ketam dan Sungai Lima

MUHAMMAD FAIZ SELONG

PELABUHANKLANG-Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengumumkan beberapa peruntukan khas untuk nelayan dan pengusaha ternakan ikan di Pulau Ketam dan Sungai Lima.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kementerian memperuntukkan RM500,000 untuk pembinaan dua jeti nelayan baharu di Pulau Ketam, selain meluluskan pembinaan sebuah lagi pusat pengisytiharan pendaratan ikan di Sungai Lima.

Selain itu katanya, pihak kementerian juga mengahuluikan pengusaha sangkar ternakan ikan di Pulau Ketam untuk memohon bantuan geran bernilai RM50,000 daripada kerajaan untuk program

peningkatan sangkar ikan bagi tujuan mendapatkan Pensijilan MyGAP.

"Hari ini saya berkesempatan datang ke Pulau Ketam bertemu penduduk, khususnya nelayan dan saya dapat berdialog serta mendengar masalah mereka.

"Ada perkara yang boleh saya segera bantu selesaikan, misalnya permohonan untuk jeti nelayan di Sungai Lima.

"Ada beberapa perkara yang boleh kita galakkan, khususnya kepada mereka yang terlibat dalam ternakan ikan sangkar untuk mendapatkan Pensijilan MyGAP, ada bajet bagi tujuan tersebut dan kita juga akan buka satu tempat baharu untuk pengisytiharan pendaratan ikan," katanya kepada pemberita ketika hadir pada Majlis

Ramah Mesta Bersama Nelayan-nelayan Pulau Ketam dan Sungai Lima di Pulau Ketam, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Seri Irmohizam Ibrahim, Ketua MCA Bahagian Kapar, Datuk Song Kee Chai serta Penyelaras Umno Parlimen Kapar, Datuk Faizal Abdullah.

Pada program sama, Ahmad Shabery turut menjelaskan pihak kementerian menjalankan rundingan dengan kerajaan negeri bagi mengurangkan kadar caj Lesen Menduduki Sementara (Tol) bagi pengusaha ikan sangkar.

Katanya, kerajaan negeri sebelum ini mengenakan caj tol sebanyak RM4 bagi setiap meter sangkar, namun hasil rundingan dibuat kerajaan persekutuan melalui Jabatan Perikanan Malaysia berjaya menurunkan kadar caj kepada 40 sen bagi setiap meter.

"Asasnya, kita cuba memahami apa keperluan komuniti nelayan yang perlu kita uruskan, namun ada juga perkara yang sukar kita uruskan secara langsung, contohnya yang melibatkan kerajaan negeri.

"Misalnya caj tol sangkar yang sangat tinggi, kita dah buat rayuan dan rundingan hingga diturunkan tapi ramai nelayan tak puas hati lagi. Kami akan cuba uruskan dengan kerajaan negeri.

"Kerajaan Persekutuan percaya kerajaan negeri sepatutnya mampu membantu ringankan beban mereka yang terlibat dalam penternakan ikan sangkar dan apa juga perkara berkaitan dengan kebajikan nelayan di sini," katanya.



Ahmad Shabery ketika berucap di hadapan sebahagian besar nelayan Pulau Ketam dan Sungai Lima.



Warga emas di Pulau Ketam menyatakan sesuatu kepada Ahmad Shabery.



Ahmad Shabery sempat membuat lawatan singkat melihat program penternakan ikan sangkar.



Ahmad Shabery membuat lawatan dan beramah mesra dengan penduduk di Pulau Ketam.



Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga mengumumkan beberapa bantuan dan peruntukan khas kepada golongan nelayan di Pulau Ketam dan Sungai Lima.